



## Waranti Toro

Waranti Terhad

### Penerangan Ringkasan

Syarikat Toro berjanji, mengikut pilihannya, untuk membaiki atau menggantikan Produk Toro berikut jika terdapat kerosakan pada bahan atau mutu kerja bagi tempoh yang disenaraikan di bawah.

Toro tidak membuat waranti nyata yang lain. Pengilang enjin atau bateri mungkin menawarkan waranti berasingan dan/atau waranti sistem emisi khas. Jika berkenaan, dokumentasi akan disertakan bersama produk anda.

### Produk dan Tempoh Waranti

Tempoh masa berikut terpakai dari tarikh pembelian asal:

Produk	Tempoh Waranti
Semua produk (tidak termasuk produk di bawah)	2 tahun atau 1,500 jam <sup>1</sup>
Pengudara	2 tahun atau 500 jam <sup>1</sup>
Siri Turf Pro dan Range Pro	2 tahun
Roda hadapan, pangsang roda hadapan, gandar, bearing, bearing kepala pemotongan, pantograf, bicu angkat	1 tahun

<sup>1</sup>Mana-mana yang berlaku dahulu.

Bateri litium ion boleh dicas semula dijamin bebas daripada kerosakan bahan dan mutu kerja untuk tempoh tahun seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah. Melalui masa, penggunaan bateri akan mengurangkan jumlah kapasiti tenaga (MWh) yang boleh didapati untuk setiap cas penuh. Penggunaan tenaga adalah berbeza-beza disebabkan cara pengendalian, aksesori, tanah rumput, permukaan bumi, pelarasan dan suhu.

Produk	Tempoh Waranti
<b>Bateri Toro HyperCell®</b>	
Kenderaan Ulang-alik Vista®	5 tahun atau 1.5 MWh <sup>1</sup>
Kenderaan Utiliti Litium Workman®	5 tahun atau 1.5 MWh <sup>1</sup>
Unit Cengkaman Greensmaster® eTriFlex® 3370	4 tahun atau 1.5 MWh <sup>1</sup>
Unit Cengkaman Groundsmaster® e3200 dan e3300	4 tahun atau 1.5 MWh <sup>1</sup>

### Bateri Bukan Toro

Mesin Rumput Kawasan Hijau Greensmaster eFlex® 1021, e1021 dan e1026	8 tahun atau 0.9 MWh <sup>2</sup>
--	-----------------------------------

<sup>1</sup>Mana-mana yang berlaku dahulu. MWh yang disenaraikan adalah untuk setiap bateri individu.

<sup>2</sup>Bateri bukan Toro diliputi oleh pengilang bateri.

### Arahan untuk Mendapatkan Perkhidmatan Waranti

Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan Pengedar Produk Komersial atau Penjual Produk Komersial yang Sah dari tempat anda membeli Produk sebaik sahaja anda percaya terdapat keadaan boleh diwaranti. Jika anda memerlukan bantuan mencari Pengedar Produk Komersial atau Penjual yang Sah atau jika anda mempunyai pertanyaan mengenai hak waranti atau tanggungjawab anda, anda boleh menghubungi kami di:

Commercial Products Service Department  
The Toro Company  
8111 Lyndale Avenue South  
Bloomington, MN 55420-1196  
E-mel: commercial.warranty@toro.com

### Tanggungjawab Pemilik

Anda bertanggungjawab untuk menyelenggarakan Produk Toro anda mengikut prosedur penyelenggaraan yang diterangkan dalam *Manual Pengendali*. Anda perlu menanggung kos penyelenggaraan rutin sedemikian, sama ada penyelenggaraan dilakukan oleh penjual atau anda. Alat ganti yang dijadualkan untuk penggantian sebagai penyelenggaraan wajib ("Alat Ganti Penyelenggaraan") diliputi waranti untuk tempoh masa sehingga masa penggantian yang dijadualkan bagi alat ganti tersebut.

### Item dan Keadaan Yang Tidak Dilindungi

Tidak semua kegagalan atau kepincangan tugas produk yang berlaku semasa tempoh waranti adalah kecacatan dalam bahan atau mutu kerja. Waranti ini tidak melindungi yang berikut:

- Kegagalan produk yang disebabkan oleh penggunaan alat ganti bukan Toro, atau daripada bahagian berjenama Toro yang telah diubah suai, atau daripada pemasangan dan penggunaan tambahan atau aksesori dan produk tanpa jenama Toro yang diubah suai.
- Kegagalan produk yang disebabkan oleh kegagalan menjalankan penyelenggaraan dan/atau pelarasan yang disyorkan.
- Kegagalan produk yang disebabkan daripada pengendalian Produk dengan cara yang kasar, cuai atau melulu.
- Bahagian yang digunakan melalui penggunaan biasa. Contoh termasuk tetapi tidak terhad kepada pad dan pelapik brek, pelapik cekam, bilah, gelendong, penggelek dan bearing (dikedap atau boleh digris), bilah dasar, palam pencucuh, roda lereng-lereng dan bearing, tayar, penuras, tali sawat dan komponen penyembur tertentu seperti gegendang, muncung, meter aliran dan injap semak.
- Kegagalan yang disebabkan oleh pengaruh luar, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, cuaca, amalan penyimpanan, pencemaran, penggunaan bahan api yang tidak diluluskan, bahan pendingin, pelincir, bahan tambahan, baja, air atau bahan kimia.
- Isu kegagalan atau prestasi disebabkan penggunaan bahan api (cth. gasolin, diesel atau biodiesel) yang tidak mematuhi standard yang dinyatakan dalam *Manual Pengendali*.
- Bunyi biasa, getaran, haus dan lusuh atau kemerosotan. "Haus dan lusuh" biasa termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kerosakan pada tempat duduk disebabkan penggunaan, permukaan cat haus, pelekat atau tingkat tercalar, dll.
- Kos penyelenggaraan tetap atau alat ganti seperti bahan api, pelincir, penukaran minyak, pelarasan, penuras, palam pencucuh atau penuras udara.

### Syarat Am

Pembaikan oleh Pengedar atau Penjual Toro yang Sah merupakan satu-satunya remedi anda menurut waranti ini.

**The Toro Company tidak bertanggungjawab terhadap kerugian tidak langsung, sampingan atau turutan berhubung dengan penggunaan Produk Toro yang dilindungi waranti ini, termasuk apa-apa kos atau perbelanjaan untuk pemberian kelengkapan atau perkhidmatan pengganti dalam tempoh kepincangan tugas atau tempoh pembaikan tanpa penggunaan yang menunggu penyediaan pembaikan menurut waranti ini. Melainkan waranti bahan cemar atau bateri yang dirujuk di atas, jika berkenaan, tidak ada waranti nyata yang lain. Semua waranti tersirat kebolehdagangan dan kesesuaian untuk digunakan adalah terhad kepada tempoh waranti nyata ini.**

### Nota Berkenaan Waranti Bahan Cemar

Sistem Kawalan Bahan Cemar pada Produk anda mungkin dilindungi oleh keperluan memenuhi waranti berasingan yang ditubuhkan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar A.S. (EPA) dan/atau Lembaga Sumber Udara California (CARB). Batasan jam yang dinyatakan di atas tidak terpakai kepada Waranti Sistem Kawalan Bahan Cemar. Rujuk kepada Kenyataan Waranti Kawalan Bahan Cemar Enjin yang dibekalkan dengan produk anda atau terkandung dalam dokumentasi pengilang enjin.